



**TEKS UCAPAN  
YBRS. TUAN IR. HAJI CHEREMI BIN HAJI TARMAN  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 11/2022**

**29 NOVEMBER 2022 | SELASA**

**9.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Amat Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**

Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.11/2022 bagi bulan November** pada pagi yang berbahagia ini.

## **1. TAHNIAH PERDANA MENTERI KE-10**

- 1.1 Pertama sekali, MPS ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-10.
- 1.2 MPS berharap Malaysia terus makmur dan YAB Dato' Seri berjaya mendepani cabaran dalam memenuhi harapan dan aspirasi rakyat Malaysia.

## **2. PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN**

- 2.1 Seperti semua sedia maklum, selaras dengan pengumuman YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam Pembentangan Bajet Negeri Selangor 2023, Kerajaan Negeri akan memberikan Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak dua bulan setengah gaji kepada semua anggota yang berkelayakan dan berkhidmat di Pentadbiran Kerajaan Negeri.
- 2.2 Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor di atas pengumuman ini dan diharapkan dengan insentif tersebut dapat meningkatkan lagi motivasi dan kualiti kerja dalam mencapai sasaran kerja tahun 2023.

## **2. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

- 2.1 Untuk makluman, sehingga 31 Oktober 2022, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa sebanyak RM98.76 juta (92.91%) daripada RM106.30 juta.
- 2.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM6.39 juta (79.90%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8 juta.

## **3. WARAN TAHANAN / SITAAN HARTA ALIH**

- 3.1 MPS telah mengeluarkan waran tahanan dengan caj tahanan sebanyak RM100.00 kepada pemilik premis yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas. Mulai 1 Oktober 2022 sehingga 31 Oktober 2022, sebanyak 5,651 waran telah dikeluarkan. Pemilik dikehendaki membuat bayaran dalam tempoh 7 hari setelah waran dilaksanakan bagi mengelakkan tindakan sitaan harta alih diambil.
- 3.2 Orang ramai diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing. Semakan dan bayaran boleh dilakukan di <https://mymps.mps.gov.my>.

#### **4. KEMPEN KUTIPAN BAGI KAWASAN KAMPUNG DAN RUMAH KOS RENDAH YANG DIKECUALIKAN CUKAI**

- 4.1 Selain itu, MPS masih meneruskan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi kawasan kampung dan rumah kos rendah yang mendapat pengecualian cukai.
- 4.2 Di sini saya juga ingin memberi peringatan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan untuk membuat bayaran secara penuh bagi membolehkan anda mendapat pembatalan waran tahanan dan caj yang dikenakan sebanyak 100% sebelum 31 Disember ini.

#### **5. PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN SECARA DIGITAL**

- 5.1 Untuk makluman, semua pemegang lesen premis perniagaan boleh membuat pembaharuan dan pembayaran lesen perniagaan masing-masing secara dalam talian mulai 1 November 2022 yang lepas.
- 5.2 Pemegang lesen perniagaan juga perlu mengemaskini maklumat masing-masing di [lesendigital.mps.gov.my](http://lesendigital.mps.gov.my) dan seterusnya membuat pembayaran di MyMPS serta boleh

mencetak sendiri lesen perniagaan mereka tanpa perlu lagi hadir ke pejabat MPS.

- 5.3 Inisiatif MPS ini adalah untuk memudahkan proses pembaharuan lesen dibuat secara dalam talian tanpa perlu berurusan secara fizikal di kaunter.
- 5.4 Walaubagaimanapun, bagi pemegang lesen minuman keras/arak, visual/billboard, Kilang Tanpa Kebenaran (KTK), rumah urut/ refleksologi, pusat siber/ kafe siber, hotel, barang lusuh dan kuari, proses bayaran perlu dibuat melalui MyMPS dan mereka perlu hadir ke Jabatan Pelesenan MPS untuk mengambil lesen perniagaan mereka.
- 5.5 Jadi, saya berharap agar semua Ahli-ahli Majlis dapat memaklumkan kepada semua pemilik premis perniagaan kawasan masing-masing untuk membuat bayaran pembaharuan lesen perniagaan sebelum tempoh 31 Disember 2022 untuk mengelakkan caj fi proses lewat sebanyak 10% daripada jumlah aktiviti lesen dikenakan kepada mereka.

## **6. ANUGERAH BANDAR MAMPAN DAN KEJIRANAN HIJAU**

- 6.1 Alhamdulillah, pada 8 November yang lepas, Majlis Perbandaran Selayang telah berjaya merangkul tempat pertama Anugerah Bandar Mampan Terbaik 2022 (Kategori Perbandaran) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 yang diadakan di Putrajaya.
- 6.2 Dalam pada masa yang sama, Garden 8 Taman Perwira, Gombak juga telah memperoleh kejayaan menjadi pemenang tempat pertama bagi kategori Komuniti Perumahan Bertanah sekali gus merangkul Anugerah Khas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi Anugerah Kejiranan Hijau Tahun 2022.
- 6.3 Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat atas kejayaan yang telah dicapai. Semoga MPS kekal menjadi bandar yang mampan, progresif dan sejahtera.

## **7. PENGHARGAAN KEPADA PETUGAS SPR DAN UCAPAN TAHNIAH**

- 7.1 Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada kakitangan MPS yang bertugas dan terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa Pilihan

Raya Umum ke-15 yang lepas dalam memastikan semuanya berjalan dengan lancar.

- 7.2 Walaupun dengan cuaca yang tidak menentu, namun saya lihat semua tetap komited dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Semoga segala usaha keringat dalam menjalankan tugas akan dinilai sebagai amal soleh. InsyaAllah.
- 7.3 Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Dato' Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar atas kejayaan beliau menjadi Ahli Parlimen Gombak yang baharu. Semoga YAB Dato' Seri terus memberikan khidmat bakti yang bermutu kepada rakyat sejagat.
- 7.4 Juga tidak dilupakan, tahniah saya ucapkan kepada YB William Leong Jee Ken yang telah berjaya mengekalkan status sebagai Ahli Parlimen Selayang. Diharapkan YB juga akan sentiasa menabur bakti untuk Selayangku Sayang.

## **8. AUDIT SIRIM DAN AUDIT DALAM EKSA**

- 8.1 Seperti mana semua maklum, Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 9 hingga 11 November 2022 yang lepas. Sesi pengauditan ini dijalankan bagi

memastikan prosedur kerja dipatuhi dan mengikut piawaian yang ditetapkan.

- 8.2 Secara keseluruhannya, MPS telah mendapat maklum balas yang positif daripada Pasukan Audit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ke atas sistem pengurusan kualiti yang telah dilaksanakan dengan beberapa cadangan penambahbaikan. Tahniah saya ucapkan.
- 8.3 Selain itu, Audit Dalam EKSA juga sedang dijalankan oleh kakitangan MPS bermula 29 November hingga 5 Disember 2022. Diharapkan semua kakitangan dapat memberikan kerjasama yang jitu dalam memastikan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal.
- 8.4 EKSA yang cekap, berkesan dan konsisten akan memberi nilai tambah kepada imej MPS secara keseluruhan.

## **9. KAJI SELIDIK PANDANGAN DAN CADANGAN**

- 9.1 Untuk makluman, MPS kini sedang menjalankan kaji selidik untuk mendapatkan pandangan dan cadangan penduduk terhadap perkhidmatan, kemudahan dan persekitaran Perbandaran Selayang yang akan digunakan untuk tujuan

peningkatan dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di kawasan MPS.

- 9.2 Sehingga hari ini, MPS telah menerima sebanyak 596 responden dan saya berharap jumlah ini akan terus meningkat supaya MPS mendapat maklum balas yang menyeluruh dan inklusif.
- 9.3 Maklum balas ini akan membantu MPS untuk memberikan perkhidmatan dan membentuk persekitaran yang terbaik demi kesejahteraan bersama. RM100.00 juga ditawarkan kepada 20 responden bertuah yang menyertai kaji selidik ini.
- 9.4 Oleh itu, saya berharap agar semua Ahli Majlis dapat menguar-uarkan kepada penduduk di zon masing-masing untuk mengisi kaji selidik ini. Kaji selidik ini boleh diisi melalui pautan di laman web MPS, platform media sosial MPS dan kod Qr di skrin.

## **10. PENYAMPAIAN HADIAH DAN PAMERAN PERTANDINGAN FOTOGRAFI DAN VIDEO PENDEK**

- 10.1 Untuk makluman, sejurus tamat daripada Mesyuarat Penuh ini akan diadakan penyampaian hadiah kepada para

pemenang yang telah berjaya dalam Pertandingan Fotografi dan Video Pendek sempena 25 Tahun MPS bertempat di Lobi Menara MPS.

10.2 Karya fotografi dan video pendek daripada pertandingan ini akan dipamerkan di Lobi Menara MPS bagi tempoh 2 minggu. Semua karya menerusi pertandingan ini juga akan dijadikan bahan penerbitan dalam mempromosikan kawasan MPS.

## **11. TOWN HALL PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM DI KAWASAN MPS**

11.1 Pada 5 Disember 2022, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS akan mengadakan Sesi Town Hall Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bersama-sama Badan Pengurusan Strata dan Wakil Penduduk bertempat di Dewan Beringin, Taman Seri Gombak untuk memberikan penerangan dan membincangkan isu berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan penglibatan Ahli-Ahli Majlis, MPKK, JMB, MC KDEBWM dan lain-lain jabatan yang berkaitan.

11.2 Jadi, saya berharap kepada yang terlibat dapat meluangkan masa untuk hadir ke Sesi Town Hall ini agar kita dapat bersama-sama menimba ilmu yang baharu dan dapat mencerahkan idea bagi isu ini dapat ditangani dengan lebih efisien dan teratur.

## **12. PERSEDIAAN MENGHADAPI BANJIR**

12.1 Berikutan musim monsun timur laut, Kerajaan Negeri Selangor menyarankan penduduk di kawasan berisiko dilanda banjir agar dapat mematuhi arahan Pihak Berkuasa Keselamatan dari semasa ke semasa. Aktiviti rekreasi air di sungai dan pesisiran pantai juga perlu dihadkan kerana taburan hujan yang tinggi dan fenomena air laut pasang besar.

12.2 Untuk makluman, surat arahan kepada semua agensi Persekutuan dan negeri juga telah dikeluarkan bagi semua pihak untuk bersiap siaga sekiranya banjir terjadi. Maklumat terkini cuaca juga boleh didapatkan secara terus daripada MET Malaysia.

12.3 Sebarang kecemasan boleh menghubungi Talian Kecemasan 999 untuk bantuan segera dan semua turut dinasihatkan untuk menyimpan nombor perhubungan

penting seperti nombor balai polis dan bomba yang terdekat.

### **13. UCAPAN SELAMAT BERSARA**

13.1 Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan selamat bersara kepada Puan Rusni binti Abdullah@Long, Pengarah Jabatan Bangunan yang telah berkhidmat selama 24 tahun di MPS.

13.2 Seluruh warga MPS mendoakan Puan sentiasa diberi perlindungan dan kesihatan berpanjangan oleh Allah SWT serta dimurahkan rezeki. Jasamu akan tetap MPS kenang.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.